

## MRT-SBK jimatkan kos pengangkutan, mesra OKU

**Kuala Lumpur:** Pengguna Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) nyata lega dengan pelancaran projek pengangkutan mega itu kerana boleh elak kepenatan memandu dan terperangkap dalam kesesakan lalu lintas.

Selain itu, rata-rata pengguna mengakui MRT-SBK yang beroperasi sepenuhnya selepas dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kelmarin, mesra orang kelainan upaya (OKU) dan menjimatkan kos seharian.

Bagaimanapun, ada pengguna mahu kerajaan membuat beberapa penambahbaikan, antaranya menyediakan lebih banyak risalah laluan perjalanan tren, stesen sambungan dan bersepadu seperti

LRT, monorel dan BRT Rapid KL.

Kakitangan syarikat swasta, Santhana Arengan, 45, yang menetap di Cheras, berkata sistem pengangkutan moden dan mesra pengguna, antara sebab beliau kerap menggunakan pengangkutan awam, sejak kira-kira lima tahun lalu.

### Beri pelbagai kemudahan

Beliau yang sebelum itu memandu sendiri dan terpaksa mengharungi kesesakan ke tempat kerja, berkata kemudahan pengangkutan efisien memberikan lebih masa berehat dan mengurangkan kos minyak serta tol.

"Saya tidak lagi perlu memandu. Boleh berehat, keselamatan terjamin dan kos menggunakan pengangkutan awam lebih jimat.



Santhana Arengan

### Jimat kos, masa

"Tahniah, saya bangga dan terpegun melihat kemajuan sistem pengangkutan di negara kita. Banyak kemudahan disediakan, termasuk sistem keselamatan lengkap, mesra OKU dan ruang lebih luas.

"Misalnya, di Stesen Bukit Bintang, saya rasa seperti berada di luar negara kerana reka bentuk dan sistem teknologi yang canggih," katanya.

Pekerja swasta, Norsham Lop, 40, ketika ditemui semalam berkata, beliau menggunakan MRT untuk keluar makan bersama rakan sepejabat pada waktu tengah hari.

"Saya jarang menggunakan pengangkutan awam, tetapi selepas menggunakannya hari ini (semalam), saya lihat ia mudah, tidak

perlu memandu atau menjimatkan kos untuk tempat letak kereta.

"Saya akan kongsi pengalaman dengan ahli keluarga dan rakan lain pengalaman menggunakan MRT di Facebook. Mungkin mereka pun akan teruja untuk menggunakan MRT selepas ini," katanya.

Seorang pelancong dari Denmark, Sinan Said, yang akan berada di negara ini selama enam hari, berkata lebih banyak risalah perlu disediakan di lokasi tumpuan pelancong.

"Saya baru kali pertama menggunakan MRT di negara ini, perlu ada penambahbaikan. Di stesen bawah tanah, ada kalanya tidak ada isyarat telefon, ini akan menyusahkannya hari ini," katanya.